

24 JAN 1997

Petronas-Menara

PETRONAS MULA DUDUKI BANGUNAN TERTINGGI DUNIA ISNIN INI

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Seramai 166 kakitangan Petronas akan menjadi penghuni pertama Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi dunia itu, apabila mereka masuk dan bekerja di situ mulai Isnin ini (27 Jan).

Mereka adalah sebahagian daripada kira-kira 5,000 kakitangan Petronas dari kawasan Lembah Kelang, yang akan menduduki seluruh bangunan Menara Satu, dalam proses besar-besaran perpindahan kakitangan syarikat minyak nasional itu secara berperingkat-peringkat sehingga bulan Ogos nanti.

Kedua-dua bangunan 88 tingkat Menara Berkembar Petronas, dengan ketinggian 451.9 meter dari paras jalan, terletak dalam kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang sedang dibangunkan di sini dan menjadi sebahagian daripada kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bangunan menara berkembar itu lebih tinggi sebanyak 8.9 meter daripada Sears Towers di Chicago, yang sebelum ini merupakan bangunan tertinggi dunia.

Petronas, dalam satu kenyataan kepada BERNAMA di sini, berkata kesemua 166 kakitangan itu akan dibawa dari pejabat lama mereka di bangunan Dayabumi di sini ke pejabat baru itu dengan lima buah bas pada pagi itu.

Setiba di pintu masuk bangunan itu, bacaan doa selamat akan diadakan sebelum mereka masuk ke pejabat masing-masing di tingkat 15 dan 16 dan bekerja seperti biasa.

Pada sebelah malamnya, satu majlis terbuka puasa diikuti dengan majlis tahlil serta sembahyang sunat Taraweh akan diadakan di surau sementara di tingkat 10, bangunan Menara Satu itu.

Kerja-kerja memindahkan fail-fail dan dokumen-dokumen serta beberapa peralatan tambahan pejabat untuk kumpulan pertama kakitangan itu dijalankan mulai hari ini.

Kerja-kerja struktur Menara Berkembar Petronas itu siap pada penghujung tahun lepas, kira-kira empat tahun selepas projek pembinaan bangunan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Sept 1992.

Kedua-dua bangunan Menara Satu dan Menara Dua itu dihubungkan dengan jejantas udara pada tingkat 41 dan 42. Setiap bangunan menara itu pula dilengkapi dengan 29 lif penumpang dua tingkat berkelajuan tinggi.

Selepas kumpulan pertama kakitangan itu, kumpulan-kumpulan lain akan hanya memasuki pejabat baru masing-masing dari tingkat bawah hingga tingkat atas mulai April depan kerana kerja-kerja menyediakan kemas dalam ruang pejabat seperti ruang sekatan bilik masih belum disiapkan.

Mereka yang terbabit dalam perpindahan itu ialah kakitangan di ibu pejabat Petronas di bangunan Dayabumi, Jalan Sultan Hishamuddin, kakitangan di Faber Towers, Jalan Kelang Lama, kakitangan di Empire Tower, Jalan Tun Razak dan kakitangan di Wisma Peladang, Jalan Bukit Bintang.

Kakitangan dari bangunan Dayabumi adalah kumpulan yang paling ramai terbabit dalam perpindahan itu.

Kenyataan itu bagaimanapun enggan menyatakan pada masa ini pejabat siapa yang akan ditempatkan di tingkat teratas.

Petronas baru-baru ini telah mengambil tindakan membersihkan seluruh bangunan itu daripada semua makhluk perosak.

Menara Berkembar Petronas itu dijangka dirasmikan menjelang akhir tahun ini.

-- BERNAMA

AFY NAK